



Kaum Islam Singapura Meraikan Konsul Agung Republik Arab dan al-Azhar

Satu majlis jamuan teh yang permai telah diadakan oleh kaum Islam Singapura baharu-baharu ini, untuk meraikan Dr. Mustafa Fahmi al-'Iswi, Konsul Agung Republik Arab Bersatu di Singapura.

Majlis yang permai ini, yang bertempat di Raffles Hotel, telah dihadiri oleh ramai kaum Islam dari berbagai-bagai bangsa termasuk pegawai-pegawai tinggi kerajaan, diplomat-diplomat luar negeri dan pegawai-pegawai agama dari Johor.

Pengerusi majlis, Dato' Syed Ibrahim Alsagoff telah mengalu-alukan dif yang diraikan itu dengan ucapan ringkas dalam bahasa Arab, sambil menyebut akan jasa-jasa pemerintah Mesir dan al-Azharnya kepada dunia Islam dalam lapangan pendidikan Islam yang telah mencurahkan berjuta-juta pound kerananya dan menampung pelajar-pelajar dari seluruh dunia Islam yang datang menampung ilmu pengetahuan Islam pada tiap-tiap tahun.

Sebelum itu ucapan beliau dalam bahasa Melayu telah dibacakan oleh Tuan Haji Mustafa Mahmud, Hakim Mahkamah Syariah dan salinannya dalam bahasa Inggeris telah dibacakan oleh Tuan Haji Jamil bin Haji Zafir, Setiusaha Majlis Penasihat Islam.

Sementara itu, Tuan Haji Abdul Jalil Hasan, Naib Mufti Kerajaan Johor, bagi pihak bekas pelajar-pelajar Islam yang telah menuntut ilmu di Azhar telah berucap dalam bahasa Arab, menyatakan rasa syukurnya kepada pemerintah Mesir yang telah memberi peluang kepada pelajar-pelajar Islam di Singapura dan Tanah Melayu untuk menampung ilmu di Azhar dan di universiti-universiti Mesir, dan juga yang telah memberikan layanan yang baik sehingga mereka dapat kembali ke tanah air dengan rasa mulia kerana tercapai cita-cita mereka, untuk berkhidmat kepada masyarakat dan menyiarkan ilmu pengetahuan dan kebudayaan Islam di tanah air.

Dr. Mustafa Fahmi yang diraikan, dalam ucapannya dalam bahasa Inggeris, ketika memberikan ucapan terima kasihnya telah menyatakan bahawa Republik Arab Bersatu adalah sentiasa berkhidmat untuk Islam dan tali perhubungan dengan umat Islam Singapura dan lain-lain negeri Islam yang sedia terikat dengan kukuhnya makin bertambah teguh.

Salinan ucapan beliau dalam bahasa Melayu, telah dibacakan oleh Tuan Syed Ali al-Redha Alsagoff.

Seyogia disebut, Republik Arab Bersatu telah menawarkan lima biasiswa (*scholarship*) kepada pelajar-pelajar Islam Singapura untuk melanjutkan pelajaran di Azhar dan lain-lain sekolah tinggi di Mesir.